

HELAIAN KETERANGAN PRODUK



Pelanggan yang dihormati,
 Helaiian Keterangan Produk (HKP) ini memberikan maklumat penting tentang insurans perubatan dan kesihatan anda.

Pelanggan lain telah membaca HKP dan mendapati ia membantu; anda juga harus membaca.

Tarikh: <dd/mm/yyyy>

1. Apakah Qaseh Bakti Plus?

Qaseh Bakti Plus ialah pelan boleh diperbaharui setiap tahun tanpa jaminan, menawarkan perlindungan insurans sehingga umur 58 tahun, di bawah Polisi Induk Bank Simpanan Nasional (BSN), salah satu rakan kongsi perniagaan FWD Insurance Berhad. Produk ini menyediakan perlindungan atas Kematian akibat Bukan Kemalangan dan Kematian akibat Kemalangan dan menawarkan Manfaat Tunai Penghospitalan Harian bagi punca berkaitan bukan kemalangan, Manfaat Tunai Penghospitalan Harian bagi punca berkaitan kemalangan, serta Manfaat Tunai Penghospitalan Harian Tambahan jika dimasukkan ke Unit Penjagaan Rapi (ICU).

2. Mengetahui Perlindungan/Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi dengan RM150 tahunan, anda akan menerima perlindungan/manfaat insurans berikut:

Manfaat	Pelan 3
Manfaat Kematian akibat Bukan Kemalangan ¹	RM2,500
Manfaat Kematian akibat Kemalangan	RM5,000
Manfaat Tunai Penghospitalan Harian bagi punca berkaitan bukan kemalangan ^{1,2}	RM100 / hari
Manfaat Tunai Penghospitalan Harian bagi punca berkaitan kemalangan ²	RM200 / hari
Manfaat Tunai Penghospitalan Harian Tambahan jika dimasukkan ke ICU ^{1,2}	RM100 / hari

¹ Tertakluk kepada Tempoh Menunggu selama 30 hari bagi punca berkaitan bukan kemalangan.

² Had tahunan gabungan sehingga 14 hari setahun bagi Manfaat Tunai Penghospitalan. Had tahunan ini tidak boleh dikumpul dan akan diperbaharui pada setiap ulang tahun sijil sekiranya sijil diperbaharui.

Manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had yang ditetapkan. Sila rujuk Risalah TIPS PIDM atau hubungi FWD Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Insurans perubatan dan kesihatan anda **mengecualikan**:

Pengecualian	Penerangan
Bunuh diri, cubaan membunuh diri atau tindakan mencederakan diri sendiri	Kami tidak akan membayar sebarang manfaat di bawah sijil ini jika tuntutan akibat daripada bunuh diri, cubaan bunuh diri atau tindakan mencederakan diri sendiri yang sengaja oleh orang yang diinsuranskan ketika waras atau tidak waras dalam tempoh satu tahun dari tarikh permulaan sijil.
Tindakan menyalahi undang-undang	Kami tidak akan membayar sebarang manfaat di bawah sijil ini jika tuntutan akibat orang yang diinsuranskan menyertai tindakan yang menyalahi undang-undang atau gagal untuk bertindak mengikut undang-undang.
Peperangan	Kami tidak akan membayar sebarang manfaat di bawah sijil ini jika tuntutan akibat tindakan peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak), rampasan kuasa, revolusi, rusuhan atau apa-apa peristiwa yang seumpama dengannya.

Manfaat Tunai Penghospitalan Harian anda **mengecualikan** perkara berikut:

- Penyakit sedia ada
- Bersunat dan sebarang pembedahan pada kulup
- Sebarang bentuk penjagaan atau pembedahan pergigian kecuali apabila diperlukan akibat kecederaan
- Penyakit kelamin dan turutannya
- Kehamilan, kelahiran (termasuk pembedahan bersalin), keguguran, menggugurkan dan penjagaan sebelum atau selepas bersalin dan pembedahan, kaedah kontraseptif mekanikal atau kimia untuk mengawal kelahiran atau rawatan berkaitan kemandulan. Disfungsi ketegangan (mati pucuk) dan ujian atau rawatan berkaitan impotensi atau pemandulan
- Penyiasatan dan rawatan gangguan tidur dan berdengkur dan terapi/rawatan alternatif
- Gangguan psikotik, mental atau saraf (termasuk sebarang neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatik)

- h. AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) atau ARC (Masalah Berkaitan AIDS) dan penyakit berkaitan HIV, dan sebarang penyakit berjangkit yang perlu dikuarantin mengikut undang-undang
- i. Apa-apa rawatan atau pembedahan untuk kelainan kongenital atau kecacatan termasuk bersifat keturunan
- j. Penghospitalan yang tidak munasabah dan tidak diperlukan dari segi perubatan

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Anda harus rujuk Penyata Maklumat Polisi untuk senarai lengkap pengecualian.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai insurans perubatan dan kesihatan anda, anda boleh:



Hubungi kami di:
1300-22-6262



Layari laman web
kami di: fwd.com.my



E-mel kami di:
ask@fwd.com



Imbas kod QR
di atas

3. Mengetahui Kewajipan Anda

Untuk insurans perubatan dan kesihatan anda, anda mesti membayar premium:

Premium:	RM150 (tahunan) Premium pembaharuan TIDAK DIJAMIN. Kami berhak untuk mengubah premium dengan memberikan notis bertulis kepada anda dalam tempoh 90 hari.
Tempoh:	Sehingga umur 58 tahun, tertakluk kepada pembayaran premium pembaharuan. Sijil ini TIDAK DIJAMIN untuk diperbaharui. Kami berhak untuk tidak memperbaharui sijil ini dengan memberikan notis bertulis kepada anda dalam tempoh 60 hari.

Anda juga harus membayar yuran dan caj berikut:

Komisen kepada BSN	10.00% daripada premium tahunan atau RM15.00
--------------------	--

4. Terma Utama Lain

- Anda perlu mendedahkan semua fakta penting seperti pekerjaan dan menyatakan umur anda dengan tepat. Jika tidak, tuntutan anda mungkin ditolak atau sijil mungkin ditamatkan.
- Pelan ini ditawarkan kepada semua warga Malaysia berumur 18 hingga 55 tahun berdasarkan hari jadi berikutnya. Pemohon yang layak harus berfikir waras. Semua kumpulan pekerjaan dibenarkan kecuali Kumpulan 5. Untuk merujuk senarai kumpulan pekerjaan, sila lawati <https://www.fwd.com.my/support/faq>.
- Tempoh Tenggang: anda mempunyai 31 hari dari tarikh premium yang perlu dibayar untuk membayar premium pembaharuan. Dalam tempoh ini, sijil anda masih akan memberikan perlindungan insurans. Sekiranya anda tidak membayar premium pembaharuan pada hujung tempoh tenggang, sijil anda akan luput dan perlindungan insurans akan ditamatkan.
- Pengembalian semula tidak dibenarkan bagi sijil ini.

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Anda harus merujuk kepada Penyata Maklumat Polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.



Bolehkah saya membatalkan sijil ini?

Ya, anda boleh membatalkan sijil anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami.

- **Tempoh pengamatan percuma:** anda boleh membatalkan sijil anda dengan mengembalikan sijil dalam tempoh 15 hari selepas sijil anda dihantar kepada anda. Premium yang telah anda bayar akan dikembalikan kepada anda.
- **Notis Bertulis:** Anda boleh membatalkan sijil anda selepas tempoh pengamatan percuma dengan menghantar permintaan bertulis kepada kami. Sijil anda akan ditamatkan pada tarikh premium yang perlu dibayar seterusnya tanpa sebarang pemulangan premium yang telah dibayar. Produk ini bukan pelan simpanan, oleh itu tiada sebarang nilai tunai akan dipulangkan pada penyerahan atau penamatan sijil.

Pengakuan Pelanggan*

- ✓ Saya mengakui bahawa FWD Insurance Berhad telah memberikan saya salinan HKP.
- ✓ Saya telah membaca dan memahami maklumat penting yang terkandung dalam HKP ini.

* Pengakuan pelanggan terhadap HKP ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mendapatkan ganti rugi sekiranya berlaku pertikaian seterusnya mengenai terma dan syarat produk.